



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	14/11/2019	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Biar mahkamah tentukan isu air KL-Singapura

**Isu** kadar air yang dibekalkan Malaysia kepada Singapura sudah berlarutan terlalu lama. Justeru, kata putus mengenainya perlu dimuktamadkan segera. Semakin lama tidak diselesaikan, selama itulah negara terus mengalami kerugian.

Jika dilihat kadar 5 sen dikenakan ketika itu amat tidak munasabah. Malaysia sudah terlalu lama memberi subsidi kepada Singapura, sedangkan hasil terkumpul itu boleh dimanfaatkan untuk membangunkan infrastruktur dalaman negara, khususnya dalam soal kemampuan bekalan air.

Apa sekalipun, kita percaya Malaysia ada hak untuk menyemak harga air dibekalkan kepada Singapura. Jika negara jiran itu terus menerus bertegas dengan pendiriannya selama ini, bawa sahaja isu terbabit ke muka pengadilan di mahkamah antarabangsa.

Malaysia tidak perlu takut. Jika kerajaan yakin mempunyai hujah kukuh, maka jangan berlengah lagi. Biarlah mahkamah antarabangsa memutuskannya agar terlerai kekusutan yang sekian lama membelenggu.